

**PEKAN:** Bagi menyahut kempen Hijaukan Bumi: Satu Warga, Satu Pokok yang dilancarkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar baru-baru ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) tidak ketinggalan untuk bersama-sama menyokong kempen berkenaan.

Kempen itu diketuai sendiri Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang juga Canselor UMP dengan menanam pokok Rantai Emas di kampus UMP Pekan, kelmarin, sebagai menyokong kempen 'Hijaukan Bumi' di kampus yang berkeluasan 256.8 hektar.

Terdahulu, Tengku Abdullah turut melawat pembangunan Fasa 1A UMP yang menempatkan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Elektrik dan Elektronik (FKEE) yang dilengkapi pejabat pentad-

## UMP jayakan kempen Hijaukan Bumi

6H (Wilayah) Khamis 3/5/11 ms 2



TENGU ABDULLAH diberi penerangan sempena lawatan rasmi ke Falkuti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik Universiti Malaysia Pahang, Pekan.

biran, makmal serta pusat pengajaran dan pembelajaran.

Baginda turut diberi taklimat oleh Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim mengenai perancangan dan pembangunan kampus di Mukim Kuala Pahang di sini.

Bangunan FKEE mempunyai sebuah blok pentadbiran dengan tiga dewan kuliah berkapasiti 100 pelajar serta enam bilik kuliah yang boleh menempatkan 40 penuntut dengan tiga blok makmal yang menempatkan 25 makmal pelbagai guna.

Bangunan FKM pula menempatkan satu blok pentadbiran dengan sebuah dewan kuliah yang boleh menampung kapasiti 300 pelajar dan memiliki enam bilik kuliah berkap-

siti 40 orang dan empat blok makmal yang mempunyai 25 makmal pelbagai jenis yang turut menawarkan perkhidmatan pengujian daripada pihak industri.

"Pada masa ini, bangunan asrama bagi menempatkan 648 pelajar dengan kemudahan 326 bilik sudah siap dan dihuni pelajar tahun akhir daripada kedua-dua fakulti berkenaan.

"Bangunan empat tingkat yang mempunyai tiga blok asrama iaitu dua blok siswa dan sebuah blok siswi ini dilengkapi kemudahan surau, rumah dan pejabat pengurusan asrama," kata Daing Nasir.

Pembangunan Fasa 1B masih dalam peringkat pembangunan bagi menyiapkan bangunan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, perpustakaan dan kolej kediaman pelajar (KKP) bagi menampung 1,400 pelajar dan dijangka siap bulan depan.